

## **ASABIAH**

**Chedet.co.cc**

**July 06, 2012**

**By Tun Dr. Mahathir Mohamad**

1. Kita hairan bagaimana ada orang Islam yang begitu sekali menyanjung tinggi pemimpin mereka sehingga sanggup minum air basuh kaki mereka ini. Tetapi inilah yang berlaku apabila terlalu taksub kepada pemimpin.
2. Saya diberitahu tidak ada kemungkinan Barisan Nasional menang di Kelantan kerana penduduk Kelantan begitu taksub dengan Nik Aziz. Demikianlah ketaksuban ini sehingga apa sahaja yang didakwa olehnya berkenaan agama Islam maka orang Kelantan akan menerimanya bulat-bulat sebagai benar dan menepati ajaran Islam.
3. Kata orang ini, tidak ada gunanya ulama lain atau Mufti menolak dan menidakkan dakwaan Nik Aziz, orang Kelantan tetap akan percaya pendapatnya juga. Jika ada yang ragu sekalipun, mereka tidak akan menyatakan keraguan mereka.
4. Orang Islam yang berfikiran waras tentu menolak dakwaan Nik Aziz bahawa mengundi PAS akan mendapat pahala, bahkan menjamin syurga di akhirat. Tetapi nampaknya majoriti rakyat Kelantan, samada mereka terima dakwaan ini atau tidak, terus setia dan menyokong kepimpinan Nik Aziz. Kemenangan PAS di Kelantan dan di lain-lain tempat membuktikan kepimpinan Nik Aziz tidak terjejas walaupun jelas menyalah guna agama untuk politik duniawi.
5. Demikian jugalah dengan lain-lain kenyataan dan sikap yang lari jauh dari ajaran Islam saperti menidakkan keIslaman orang yang tidak menyertai atau menyokong PAS.
6. Dahulu kerjasama antara UMNO dengan orang bukan Islam didakwa bertentangan dengan ajaran Islam. Sekarang PAS di bawah kepimpinan Nik Aziz bukan setakat bekerjasama dengan orang bukan Islam tetapi juga sanggup bekerjasama dengan orang yang menolak dengan keras dan secara terbuka hasrat PAS untuk mendirikan Negara Islam dan melaksana hukum hudud.
7. Saya masih ingat semasa kita bangunkan Putrajaya, Nik Aziz mendakwa apabila PAS memerintah Negara ini, Kerajaan PAS akan lelong Putrajaya. Hari ini lain pula bunyinya. PAS berjuang untuk ke Putrajaya sebagai pemerintah.
8. Dalam masyarakat Islam penyelewengan kerap berlaku kerana ajaran sesat yang disampaikan oleh ulama yang tidak bertanggungjawab. Adanya Qadiani dan puak-puak tertentu yang lain ialah kerana taksub kepada pemimpin agama. Kita lihat bagaimana kuatnya pegangan pengikut Ashaari dan Ayah Pin kepada ajaran mereka.
9. Di India, British menggalakan penubuhan dan perkembangan Qadiani kerana ia akan memecah-belah orang Islam dan melemah mereka. Kita syak yang pendaftaran dengan pantasnya Parti Islam Se Malaya oleh British juga mempunyai niat yang sama. Ia berlaku diwaktu orang Melayu buat kali pertama bersatu untuk menentang British. Bahawa PAS, dalam Pilihanraya 1955 menentang kemerdekaan Malaya memanglah menepati hasrat British. Tetapi perjuangan PAS untuk melambatkan kemerdekaan gagal.
10. Dalam Pilihanraya 1955 PMIP hanya menang satu kerusi. Selepas itu PMIP

bersungguh-sungguh mengguna agama sehingga dalam Pilihanraya Umum 1959 Kelantan dan Terengganu jatuh ke tangannya. Walaupun Kerajaan PAS Terengganu runtuh dan diganti dengan Perikatan tetapi ini tidak kurangkan ketaksuban kepada PAS.

11. Berpecah dan lemahnya umat Islam ialah kerana taksub kepada kepimpinan lebih dari ajaran Islam seperti yang terdapat dalam Al Quran.

12. Keadaan orang Islam dan agama Islam di Malaysia begitu juga. sesungguhnya segala keburukan datangny dari orang Islam sendiri.

## 31Comments

zam83

July 31, 2012 at 1:21 am | Permalink

Tiga bahagian utama daripada Islam iaitu Agama, Sosial dan Politik. Ketiga-tiga bahagian ini dalam Islam tidak boleh dipisahkan kerana Islam adalah agama Politik dan agama Sosial. Pada saya umat Islam beransur-ansur menganggap Islam adalah terpisah daripada politik dan sosial dan hanya menganggap Islam itu agama di dalam masjid.

Trend sekarang lebih kepada memasukkan elemen pembelajaran sekular dan kebudayaan barat ke dalam masyarakat Islam. Kini, masyarakat Islam lebih mudah meninggalkan ajaran Islam mereka di mana pada satu ketika kelak akan bangkit penentang Islam daripada masyarakat mereka sendiri..Wallahhualam..

wajaperak's Gravatar wajaperak

July 25, 2012 at 9:01 am | Permalink

Assallammualaikumwarahmatullahiwabarokatuh..

Semoga mendapat izin dan perkenan dari Tun..

Tun..banyak penyokong-penyokong Tun menyangka saya membenci Tun dan berlaku biadap pada Tun..

Ini adalah tidak benar samasekali..

Sebaliknya sayalah penyokong kuat Tun sejak dahulu..

I don't have to like you to tell you are right..and

I don't have to hate you to tell you are wrong..

And what is right and wrong?

Let's stick to the concensus of the majority....)

Tun..

Saya setuju dengan Amin Tan dari satu sudut..

Saya setuju dengan Tun dari sudut yang lain..

Tetapi macam orang melayu kata...

In every war..everybody lose..

It is only a question who lose more?

Jadinya kita beralah sahaja demi kepentingan dan maslahat rakyat kelantan..

Kita dakwah dan tetap berdakwah dan tetap memberi peringatan kerana..

PERINGATAN BERGUNA BAGI ORANG\_ORANG MUKMIN..

Tun..

Ribuan terima kasih..

amin tan's Gravatar amin tan  
July 24, 2012 at 4:17 am | Permalink

SALAM Tun,

” Kita hairan bagaimana ada orang Islam yang begitu sekali menyanjung tinggi pemimpin mereka sehingga sanggup minum air basuh kaki mereka ini. Tetapi inilah yang berlaku apabila terlalu taksab kepada pemimpin.”

Saya percaya tiadalah mana2 individu terlalu taksab sehinggakan ke tahap minum air basuh kaki. Kata2 keterlaluan seperti ini menghina orang2 Kelantan dan menjadi mereka semakin asabiah dan menolak Barisan Nasional dan UMNO.

Dahlah Kelantan dibiarkan mundur berbanding dengan negeri2 lain, jalan raya atau lebuh raya dibina hingga ke sempadan Terengganu sahaja. Minyak yang terdapat di persisiran pantai Kelantan dibawa naik ke darat melalui Thailand dan menafikan hak royalti Kelantan. Ini semua menjadi UMNO dan Barisan Nasional sukar dapat menawan Kelantan.

Ketidakadilan dalam agihan punca kekayaan atau hasil negara dengan cara menganaktirikan negeri Kelantan telah menjadikan orang2 Kelantan terasa didiskriminasikan dan maka mereka menyokong PAS. To add insult to injury, Kelantanese are branded as poor as if it is their faults, absolutely ignoring the boycotting attitude of the ruling central government. The mutual hatred and distrust has deepened with this kind of derogatory remarks. Anwar Musa who used to be Kelantan UMNO chief, used to say, in one of the election ceramah that he was wealthy for the next seven generations. During the last General Election, Awang Adek boasted his cigar costs rm150 a piece. All these flaunting of wealth are counter productive and would create ill will and mutual hatred.

On the other hand the humble leadership of the PAS government is skilful in the use of Kelantan dialect and Islam to blend and assimilate with the Kelantanese sentiment and people making them united to reject BN and UMNO, OR OUTSIDERS. They termed it orang luar. This has caught the imagination and enthusiasm of the Kelantanese. Engagement and sincerity, not confrontation or harsh language is the way to capture Kelantan. Bring kindness, friendship and development to Kelantan is the way forward to win the heart and mind of the Kelantan people.

amin tan  
Nikmat's Gravatar Nikmat  
July 13, 2012 at 11:11 am | Permalink

Tuan Guru Dr Mahathir Yg Di Rahmati Allah swt.

Akhlaq Terburuk Nik Aziz yang menyalahi dan bertentangan dengan Rasulullah saw.

1. Menuduh Allah swt mencarut.
2. Bekerjasama dengan Syaitan.
3. Mahu memberi kebenaran kepada agama Kristian Malaysia untuk menggunakan perkataan Allah
4. Menghukum haram dengan sewenang-wenangnya.
5. Mengagungkan perjuangan komunis tidak bertuhan
6. Bersetuju dengan Hindraf, gerakan agama Hindu.
7. Memecah belahkan perpaduan orang Melayu beragama Islam.
8. Memperalatkan agama Islam
9. Menghalalkan cara untuk mencapai matlamat, sehingga bersetuju dengan pezina, penyokong Israel, bersekongkol dengan bukan Islam untuk menghancurkan orang Islam.

10. Banyak..... lagilah yang buruk2 tu akhlak Nik Aziz lah.

11. Nik Aziz yang sikap spt ini, agamanya dah tergelincir..... (ada hadis)

Orang Melayu yang tidak pandai agama Islam, atau baru nak pandai Islam, Nik Aziz tu Nabi....., MasyaAllah,

Wahai saudara2 yang ada tersesat dalam Parti Islam, keluarlah parti islam dan bertaubatlah ya, jadilah orang yg anut agama Islam sebenar, bukan yg ada anut Parti Islam.

Tq, TGDrM  
penduduk's Gravatar penduduk  
July 11, 2012 at 12:53 pm | Permalink

Selamat Hari Kelahiran Tun... Kami sekeluarga amat menyayangi dan mengagumi Tun... Semoga Allah SWT merahmati dan memberkati Tun... Amin...  
iskandar shah 2's Gravatar iskandar shah 2  
July 11, 2012 at 11:29 am | Permalink

Salam Tun

1-Orang Islam hanya 50% sahaja di Malaysia ini.India 10% China 30% dan campur baki 10% dikalangan kaum Keristian termasuk kaum Bumiputera lain di Semenanjung dan majoriti di Sabah Sarawak.

2-Kata orang PAS kalau UMNO dan PAS bersatu takut nanti orang orang bukan Islam pun 'react' dan bersatu juga nanti, kita akan ada masalah.Jadi baik kita tak bersatu.Supaya mereka juga tidak bersatu.

3-Ini adalah satu rasional yang cukup bahaya.Sebagai seorang individu yang sentiasa berdampingan dengan non Muslims/Malays saya mendapati kini sangat susah bertemu dengan non Malays yang menyokong BN walaupun dulu mereka adalah BN hardcore.

4-Yang ada cuma dikalangan orang lama2 yang matang yang tidak mahu mengambil risiko mengubah kerajaan.Yang muda dan tak berapa muda mostly ghairah dengan pembangkang ' like never before'.In other words mereka nampaknya bersatu walaupun kita berpecah.

5-Saya yakin based on this observation Malaysia bakal di pimpin oleh orang orang China secara indirect selepas PRU 13 dan selepas PRU14 secara direct.

6-Singapura mungkin akan memberi bantuan ekonomi yang kuat untuk memenangkan PR.Perubahan ekonomi dunia dengan kejatuhan konco konco Baratnya yang mereka bergantung hampir seratus peratus membuat Singapura terdesak untuk mencari penyelesaian alternatif masa depannya.

7-Kalau PR yang sebenarnya dikuasai DAP menang tidak mustahil Singapura ingin bersatu kembali dengan Malaysia.

8-Anwar yang bergelumangan dengan tahi adalah alat dan peluang terbaik untuk digunakan untuk menipu orang orang Melayu.

9-Orang orang DAP dan PAS mengenali sangat siapa Anwar Ibrahim ini dan kelemahan beliau ini akan menjadi senjata untuk mengawal Anwar supaya beliau tidak punya apa kuasa.

10-Kalau Anwar cakap banyak mereka boleh membongkar lain lain perbuatan tak senonoh yang ada dalam poket mereka. Jadi Anwar terpaksa menurut sahaja kehendak boss mereka yang sebenar ia itu DAP yang disokong pula oleh bos mereka yang lebih 'sebenar'nya,their main sponsor Singapore.

11-Mungkin nanti kalau PR dah menang Malaysia akan dibahagikan, PAS ambil semua bekas Negeri Melayu Tak Bersekutu tidak termasuk Johor digabung dengan Pahang untok dituboh sebuah Republik Islam Malayland.. nah.. buat lah hudud sepuas hati taada sapa nak bangkang.

12-Hak hak Melayu akan dikekalkan di Malayland sahaja jadi ramai lah orang Melayu ,yang tidak boleh hidup tanpa tongkat akan berhijrah ke sana.

13-Negeri negeri bakinya akan di gabung dengan Singapore unto menjadi Malaysia/Greater Singapore.Seperti mana yang pakatan Rakyat sudah berjanji Hak hak keistimewaan Melayu akan di hapuskan di negeri negeri ini.

14-Orang orang Melayu yang tiada pilihan atau bersedia untok menghadapi saingan akan kekal di sini.Orang bukan Islam yang takutkan Hudud di Malayland bolehlah datang berhijrah ke sini.

15-Untok meyakini orang2 Melayu untok tidak menentang projek ini Anwar akan menjadi Perdana Menteri yang pertama dan sistem Beraja akan dikekalkan.Namun kuasa Raja 2 akan di kawal sepertimana yang sepatutnya dalam sistem Raja Berpelembagaan.

16-Berapa lama sistem ini akan dikekalkan terserah lah kepada kebijaksanaan Pemerintah yang sebenarnya.

17-Cuma inilah caranya PAS boleh relevan dalam Pakatan Rakyat yang komponen lainnya terang2an menentang hudud dan DAP pula boleh menarik balik hak ketuanan Melayu secara realistik tanpa bangkangan dari PAS.

Terima kasih Tun  
Ordinarypeople's Gravatar Ordinarypeople  
July 11, 2012 at 3:43 am | Permalink

YAB Tun,

Saya setuju dengan pandangan “orang lama”, cuma UMNO perlu improve lagi supaya jadi lebih baik & penting serta relevan untok survival orang Melayu. Nampaknya PAS & PKR happy bila UMNO & BN kena hentam oleh DAP, tapi mereka jangan lupa bahawa DAP ada agenda tersirat tersendiri yang akan memberi kesan yang besar kepada negara ini di masa akan datang. Kaji & fikirkanlah akibatnya nanti.

Sekian.  
eanisazman's Gravatar eanisazman  
July 10, 2012 at 11:43 pm | Permalink

Salam Tun dan Semua,

Saya menyatakan pada seseorang orang PAS bahawa saya sedih dengan perpecahan umat Islam di Malaysia ini. Dia mengatakan kepada saya tidak perlu bersedih kerana ini adalah takdir. Tapi saya terkilan juga kalau kita tidak berasa sedih kerana selagi kita tak sedih, kita tak akan bersatu. Adakah orang2 PAS tidak sedih kalau mereka berpecah sesama sendiri?Saya percaya sesuatu kaum itu tidak dapat mengubah nasibnya melainkan atas kaum itu sendiri..

Mungkin juga takdir munculnya saudara Anwar Ibrahim itu menunjukkan siapa sebenarnya PAS dibalik jubah, serban dan mulut yang kumat kamit dengan hadisnya. Gugurnya perjuangan sebuah negara Islam dan hukum hudud dengan tidak ada sebarang hukuman bahkan sungutan yang kedengaran. Inilah sebab utama UMNO menjadi kafir sehingga sembahyang mereka tidak boleh diterima. Malahan ulama UMNO dicop sebagai sesat samasekali. Tidak ada fatwa kafir yang dikeluarkan oleh orang PAS kepada Anwar dan konconya.

Memang benar juga mereka ini taksu kerna mereka telah lama menjatuhkan hukum kepada UMNO sehingga mereka kurang mendengar dan lebih bercakap. Mendengar bukan semestinya dengan telinga sahaja...

Kadang2 memang kita rasa hebat dengan gaya hidup kita. Tetapi tak semestinya orang yang kita benci itu lebih hina dari kita. Kadang2 apabila di negara UAE, kita mengutuk gaya hidup orang Arab yang melimpah ruah mewah secara berlebihan bukanlah kerana kita orang yang zuhud. Mungkin juga bercampur rasa irihati dan dengki.

Memang telah banyak kekusutan berlaku antara PAS dan UMNO. Kalau nak unkit memang tak akan selesai. Lagi molek kalau hari raya nanti, datanglah kerumah terbuka sesama keduanya dan lupakan persengketaan sebentar dan rungkailah kekusutan kita secara baik.

Kalau dengan Anwar dan DAP boleh beri muka, dendam kesumat apa yang tak boleh langsung dengan UMNO? Pastikah kita semua yang nampak tak elok dimata kita itu boleh kita hukum sesuka hati kita.

Cubalah dengar mendengari antara satu sama lain.....Kita telah lampau era hukum menghukum. Bukan hak mutlak kita pun. Cubalah berbaik dan bersatu semula.....

zulkiflee's Gravatar zulkiflee

July 10, 2012 at 9:15 am | Permalink

Assalamu'alaikum Tun

orang terpengaruh mengikut telunjuk seseorang pemimpin atau ulama' bukan lah kerana kata-kata nya saja.kata-kata masih bersifat teori.

sebalik nya akhlak seseorang memainkan peranan yg lebih besar dalam mempengaruhi orang lain untuk percaya atau mengikut telunjuk nya.

secara jujur nya,Umno tidak mempunyai seorang pemimpin yg punya kredibiliti akhlak setanding Nik Aziz.yg kita ada cuma pemimpin-pemimpin yg tinggal di banglo-banglo besar yg sumber kekayaan mereka boleh di ragukan.

dari sudut Agama kadang-kadang Nik Aziz bercelaru juga.mengekalkan kebencian terhadap Umno adalah sesuatu yg amat sukar.namun membina perikatan dgn kafirin DAP adalah jauh lebih sukar.

namun Nik Aziz berjaya melakukan kedua-dua nya tanpa mengurangi sedikit pun ketaksuban rakyat Kelantan terhadap nya.

Tun,besar kemungkinan nya kerendahan akhlak dan kejujuran pemimpin-pemimpin Umno adalah pendorong utama populariti Nik Aziz di Kelantan mahu pun di seluruh Negara.

pemimpin-pemimpin kita yg mengambil penyanyi sebagai isteri kedua-ketiga,yg isteri-isteri itu kemudian nya bergemerlapan dgn hiasan berlian,ke sana-kemari dgn kereta-kereta berjenama besar,disamping polisi-polisi yg menghakis Kedaulatan Bangsa....ini lah kombinasi yg mengangkat tinggi martabat Nik Aziz di mata rakyat sebagai pemimpin yg amat sederhana kehidupan nya di tengah-tengah pemimpin-pemimpin Umno yg bergelumang dgn kemewahan luar batasan.

Tun,seandainya Umno boleh melatih dan melahirkan pemimpin-pemimpin yg pentingkan nilai moral dan kejujuran,ketaksuban terhadap Nik Aziz pasti akan padam sama sekali.

terima kasih Tun

Orang Lama's Gravatar Orang Lama

July 9, 2012 at 7:14 pm | Permalink

Salam,

Dah lama tak menulis. Pada pendapat saya ulama PAS yang berkecimpung dalam politik masih ok. Yang bermasalah ialah orang kuat depa yang sekeliling pinggang yang beri nasihat yang tidak betul atau tepat.

Sikit hari PAS ada kemungkinan hanya tinggal nama saja y Islam tapi perjuangannya ialah perjuangannya ialah perjuangan Asabiah Pakatan Berwarna Kuning!Tolong tanya ulama apa makna Asabiyah.

Golongan profesional PAS tak ubah perangai seperti golongan profesional UMNO. Tak ada guna nya orang Melayu pilih PAS sekiranya yang dipilih itu hanyalah boneka DAP seperti bekas Menteri Besar Perak . Apatah lagi PKR, lansung tak boleh pakai.

Penat lelah usaha pemimpin Melayu dari merdeka sampai sekarang nak mendapat keyakinan bukan Melayu mengiktiraf dan menerima hak2 bumiputera . Tapi PAS dan PKR sekelip mata memesung pemikiran bukan Melayu dengan menjanjikan hak2 samarata sama rasa untuk semua rakyat Malaysia. Pemimpin PAS dan PKR sebegini adalah pemimpin yang mengkianati generasi Melayu akan datang.

Sungguhpun UMNO terpalit dengan gejala rasuah tetapi harus diingat PAS dan PKR bukannya jawapannya untuk orang Melayu dan juga bukan Melayu.

Negara Malaysia yang aman,makmur dan maju jaya ialah berdasarkan persefahaman yang telah dibentuk mengikut acuan Perikatan atau sekarang dikenali Barisan Nasional. Pakatan rakyat hanyalah satu gabungan yang hanya menyesatkan generasi Malaysia akan datang. Pakatan rakyat merosak prinsip paling asas kesefahaman antara kaum di Malaysia yang berasaskan saling menghormati satu sama lain berasaskan hak2 pribumi.

Pakatan hidup dengan memainkan sentimen rakyat. Depa bukan nak selesai masalah rakyat tapi cari masalah untuk menuja perasaan rakyat!!Sungguh malang generasi akan datang andaikata diberi Pakatan rakyat peluang memerintah.

Saya percaya orang Melayu dan bumiputera lain dan juga bukan Melayu akan memilih calon PRU akan datang tanpa membezakan parti. Sebab dalam keadaan sekarang kebanyakan penyokong BN dan Pakatan sudah keliru tak tahu siapa yang betul? pemimpin tertinggi BN dan Pakatan kemungkinan tiada kesukaran memenangi kerusi masing2 sebab tentu dah tempah tempat paling selamat tetapi calon yang biasa2 itu seperti nyawa ikan saja.50-50.

PRU lepas, ramai calon kanak2 Pakatan memenangi kerusi tanpa diduga malahan tanpa berkempen. Harus bimbangkah BN atau Pakatan andaikata Ketua2 Bahagian dan konco2 depa boikot?

Itally's Gravatar Itally

July 9, 2012 at 4:12 pm | Permalink

Salam Tun,

why cant both of you get along for the sake of Malaysia? Why cant you look at the bright sight of TGNA? I believed combination both of you will benefit entire Malaysian.

We had enough dickering.

Stop all politicking. You can do better.

Duyam1968's Gravatar Duyam1968

July 9, 2012 at 3:18 pm | Permalink

Salam YB Tun,

Saya dilahirkan masa tahun 60'an. Semasa saya kecil iaitu tahun 70'an dan awal 80'an, saya selalu terfikir yang PAS ini satu parti yang berpegang teguh kepada Islam. Saya masih ingat "fatwa" Tuan Guru pemimpin PAS (semasa saya kecil remaja), sesiapa yang tidak menjadikan Al Quran dan Al Sunnah sebagai pegangan maka mereka ini kafir dan termasuk mereka yang bekerjasama dengan orang-orang yang menentang Al Quran dan Al Sunnah. Maka bermulalah kafir-mengkafir, sembahyang dua imam dan seumpamanya. Pada masa itu, saya menerimanya secara bulat-bulat "fatwa" tersebut dan percaya akan bahawa PAS akan berpegang teguh dengan "fatwa"nya itu hinggalah hari kiamat. Dan parti-parti lain tidak akan bersama PAS sehinggalah perlembagaan parti tersebut tertera perkataan yang menyatakan bahawa parti tersebut berpegang kepada Al Quran dan Al Sunnah. Cakap, perbuatan dan niat walaupun bersifat Islami tidak dikira sebagai berpegang kepada Al Quran dan Al Sunnah sehinggalah termaktub di dalam perlembagaan parti. Ini yang saya faham semasa kecil remaja dahulu.

Sekarang perkara ini telah berubah. Kini, saya sudah menjangkau umur 44 tahun, malangnya, apa yang diperkatakan dahulu oleh PAS turut berubah mengikut perubahan umur saya. Kenapa berubah? Ramai di luar sana, adalah mereka yang simpati dengan PAS (sympathiser). Sehingga kini, perubahan kepada perkara yang teras ini (berhubung "fatwa" tersebut) tidak dijawab oleh mana-mana ahli PAS baik ulamaknya atau ahlinya. Mereka hanya cuba untuk tidak menjawab perkara teras ini. Saya amat perlukan jawapannya. Adakah "fatwa" tersebut tidak lagi diterimapakai

disebabkan oleh perubahan zaman atau terdapat kesilapan dalam mengeluarkan “fatwa” tersebut atau ada perkara-perkara teknikal lain yang saya tidak tahu yang membolehkan “fatwa” tersebut dikompromi/diringankan?

Sekarang ini apa yang saya lihat tiada apa-apa perbezaan antara PAS dan UMNO dari segi Islamnya cuma PAS ke arah konvensional iaitu melibatkan ceramah, berucap ada memetik Al Quran dan Hadis, aktiviti melibatkan masjid dan surau, mendapat dana melalui derma, berdoa bersungguh-sungguh dan seumpamanya. UMNO pula ke arah moden iaitu pakaian kebaratan, majlis buat di hotel atau dewan, berucap tidak memetik daripada Al Quran dan Hadis, berdoa panggil Tok Imam dan seumpamanya.

Niat saya bukan hendak melaga-lagakan kedua-dua pihak tetapi cubalah fikir sejenak. Ada pernah ke tidak ahli PAS atau UMNO yang telah mati dan dihidupkan kembali menyatakan kepada kita bahawa mereka telah mendapat keredhaan Allah? Kedua-dua pihak kenalah fikir semasak-masaknya. Tidakkah tindakan kita akan dipersoalkan nanti? Lebih-lebih lagi jika disebabkan kita ramai terjerumus ke dalam kemurkaan Allah.

Allahu a'lam. Allah yang Maha Mengetahui.

Wasalam.

Mis\_bah's Gravatar Mis\_bah  
July 9, 2012 at 11:10 am | Permalink

Assalamu Alaikum Tun,

Saya baru baca buku bertajuk “Menenal Tuhan” karangan Bey Arifin, seorang ulama Indonesia. Bab taksu ni mungkin boleh dikaitkan jenis-jenis syirik dan bahayanya yang dibincang dalam buku tu..kalau umat Islam tak berhati-hati, dikhuatiri boleh jatuh dalam salah satu kategori syirik tu dan syirik menurut penulis tidak kira besar atau kecil tempatnya di neraka. Na'uzibillah. Hanya Rasul dan Nabi yang maksum..kalau pelawat blog ini ada masa, bacalah buku tu..semoga ada manfaatnya untuk kita bersama dalam mendepani dunia ini untuk ke akhirat..

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED  
July 8, 2012 at 11:13 am | Permalink

Assalamualaikum WBT Yg Bhg Tun,

Majoriti rakyat Malaysia adalah orang Melayu beragama Islam. Amat mendukacitakan disebabkan kepentingan politik orang melayu Islam telah berpecah belah kepada tiga kelompok utama ia itu Pas, PKR dan UMNO. Pada hakikatnya jika melayu Islam bersatu padu dengan kuat dan kukuh dan menjadi kelompok majoriti, maka sudah tentulah boleh menguasai dan menjuarai berbagai aspek kehidupan termasuk politik. Agama Islam menjadi lebih kemas, kukuh dan terjamin kedudukannya. Bila umat Islam bersatu dan menjadi kelompok majoriti dalam sesebuah negara seperti Malaysia, maka perjuangan memartabtkan Islam akan lebih mudah dicapai. Kedudukan agama Islam tidak mudah diperlekeh dan dipersenda oleh mana-mana pihak yang tidak menerima Islam dan anti kewujudan Islam. Kerana kita umat Islam berbangsa melayu berpecah belah di Malaysia, dan ada pihak yang berkepentingan politik yang melampau telah dengan mudah memberi ruang kepada rakan politik bukan Islam mereka menggunakan Islam dengan cara yang tidak betul (ada udang sebalik batu) untuk meraih sokongan politik umat Islam. Ini amat merugikan umat Islam dan agama Islam itu sendiri.

2. Atas platform kepentingan politik sesetengah pihak (khususnya politik Pas & PKR) sanggup dengan mudah memperlekehkan rakan seagama Islam (khususnya UMNO dan NGO-NGO Islam yang tidak sehaluan dengan hala tuju pakatan pembangkang) dengan melabel mereka sebagai jahil dan menolak Islam. Pas begitu angkuh dengan beranggapan kelompok mereka sahaja yang mengetahui dan mengamalkan syariat Islam dengan betul, manakala kelompok lain yang berbeza dengan hala tuju politik mereka begitu jahil dan menolak Islam.

3. Kerana kepentingan politik mengatasi keutamaan beragama kepimpinan Pas sanggup buat keputusan untuk tidak menggalakkan ahli Pas yang ada tugas dalam pilihanraya umum ke 13 menunaikan Fardhu Haji jika sekiranya pilihanraya umum ke 13 diadakan dalam musim atau bulan Haji. Berbagai alasan dikemukakan bagi membetulkan tindakan mereka. Itulah gambaran kepimpinan Pas yang ketaksuban politiknya melebihi keutamaan hukum Allah. Apakah orang Pas sahaja selama ini yang pergi menunaikan Fardhu Haji? Hakikatnya lebih ramai umat Islam bukan dari kelompok Pas menunaikan Fardhu Haji termasuk dari UMNO, PKR & NGO Islam sendiri, dan mereka juga

adalah pengundi dalam sebarang pilihanraya.

4. Dengan ketentuan dan izin Allah SWT Pas dapat menguasai politik negeri Kelantan selama lebih 22 tahun yang lalu. Atas nama Islam Pas menaburkan banyak janji untuk pembangunan negeri Kelantan untuk dinikmati oleh rakyat Kelantan yang majoritinya beragama Islam dan berbangsa Melayu tulin. Adakah semua yang Pas janjikan telah tertunai sepenuhnya? Yang jelas kelihatan terlalu rendah peratusnya yang telah ditunaikan setelah sekian lama menguasai politik negeri Kelantan. Gambaran ini dengan jelas menunjukkan prestasi buruk kerajaan Pas Kelantan. malah boleh dikatakan Pas hanya mampu menabur janji tetapi amat kurang keupayaan menunaikan janji. Pas tidak pernah dengan ikhlas mengakui kelemahan sendiri, malah dengan secara konsisten membuat penafian demi penafian untuk mengekalkan pengaruh dan kuasa politik. Namun demikian masih ramai lagi penyokong tegar Pas dengan ketaksuban yang melampaui kewajaran berterusan menyokong Pas. Allah SWT dengan sifat kemurahan lagi maha mengasihani mengurniakan kita sebagai hambanya dengan keupayaan berfikir berlandaskan hukum-hukum syariat Islam yang telah ditentukan supaya boleh membezakan yang baik untuk dituruti dan diamalkan, dan yang mungkar untuk ditolak sepenuhnya. Mana mungkin untuk mendapatkan pengaruh dan sokongan politik kita boleh berbaik dengan Iblis dan Syaitan. Iblis dan Syaitan adalah musuh utama umat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk dipatuhi dengan sesungguhnya.

5. Umat Islam dikehendaki berbaik sangka antara satu sama lain dan mengukuhkan perpaduan, walaupun kita mungkin berbeza pandangan terhadap sesuatu kepercayaan dan pandangan termasuk isu politik. Berbeza pandangan itu suatu kebaikan jika ditangani dengan landasan ilmu berpaksikan syariat Islam. Amat merugikan umat dan agama Islam jika kita berterusan berpecah belah lebih-lebih lagi dalam negara Malaysia yang majoritinya rakyatnya yang beragama Islam. Kesepaduan umat Islam tidak sesekali menggugat kedudukan rakyat lain yang bukan Islam di Malaysia. Perkara ini terbukti semenjak penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah lagi, bilamana Baginda dapat menyatupadukan umat Islam di Madinah sehingga terbentuknya Piagam Madinah, dan dapat menjalin hubungan baik dengan kelompok bukan Islam dan tidak mengenyepikan kepentingan kehidupan mereka. Saya percaya kaedah sedemikianlah yang telah dan sedang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional selama ini. Justeru itu adalah lebih baik umat Islam di Malaysia dari berbagai kelompok dan berbeza pandangan bercantum semula demi kepentingan bangsa, agama dan kesejahteraan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih dan Wassalam.  
asifadio's Gravatar asifadio  
July 8, 2012 at 2:44 am | Permalink

takde ape yg ingin saya katakan.. memang mereka dah ada agama lain.. agama poltik yang dibawa nik aziz  
mike ibrahim's Gravatar mike ibrahim  
July 8, 2012 at 1:16 am | Permalink

Apa perkembangan terbaru jambatan bengkok ?  
Tuntuah's Gravatar Tuntuah  
July 8, 2012 at 12:27 am | Permalink

Dulu, masa saya tak penah pegi obersea, saya terima kater org, islam kat mesia ni bagus compared to org arab.  
Well.. Masa tu budak hingusan, mcm katak bawah tempurung...

After living in middle east for 1 yer plus, i realised that we in mesia, our islam is more n based on turun temurun and budaya. We love bidaah, tahyul n kepercayaan. Damn.

I said that because

1. most of us dont understand arabic. Since we dont understand arabic, we sembahyang lima waktu mengadap Allah which we speak all in arabic. We talk to Allah s.a.w but we dont know what we are talking about. Since we dont understand arabic, somebody ambil kesempatan sampai boleh kater tuhan mencarut.

2. As a muslim we sepatutnyer lebih banyak besedekah. Sebabnyer, jika kiter lebih minta org belanja, atau meminta minta, kiter akan dipandang hina. Bab ni org arab jaga. Tu sebab susah untuk kiter lihat org arab dihina. Org melayu, suka minta minta. Tu sebab melayu dipandang hina oleh cina, india kat mesia ni.

3. Biler tiba ramadan, org arab akan senantias pegang Al-Quran ke hulu ke hilir. Dier orang baca Al-Quran. Al-Quran ni akan memberi peringatan kepada kiter tentang kebesaran Allah. Jadi kiter tak tipu, tak guna Al-Quran untuk keuntungan yang sedikit seperti firmanNYA. Then takde la kene tipu, undi pas masuk syurga. Senang senang nak kapirkan org, kamra besi, dna tak leh pakai, nak saksi 4 org jugak.. Ishhhh. Karut.

Jika kalian baca juzuk satu sampai lapan, baca terjemahan dier, kalian akan perasan yang PAS ni macam orang nasrani, tak pernah puas dengan bukti yang ditunjukkan, masih cari helah untuk menidakkan yang sah.

